



Ruj. Kami: JPA(S)TT.193/37/Jld.4(86)
Tarikh: 30 JUN 2005

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Tuan,

PEMAKAIAN PAKAIAN BATIK MALAYSIA OLEH PEGAWAI AWAM PADA HARI PERTAMA DAN HARI KE-15 SETIAP BULAN

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sebagaimana semua sedia maklum, mulai 1 Julai 2005 perkhidmatan awam akan mula bekerja lima hari seminggu selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 13 Tahun 2005 mengenai Pelaksanaan Peraturan Lima Hari Bekerja Seminggu yang dikuatkuasakan pada 1 Julai 2005.

3. Sehubungan itu, arahan pemakaian batik oleh pegawai awam khususnya batik buatan Malaysia pada hari Sabtu bekerja atau hari bekerja separuh hari yang lain yang dikeluarkan melalui surat jabatan ini bil. (57) dalam siri yang sama seperti diatas bertarikh **9 November 2004** dan perenggan 2.1.4 dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1985 adalah dengan ini terbatal.

4. Namun begitu, Kerajaan akan terus menyokong perkembangan dan pembangunan industri batik negara kerana ianya merupakan warisan dan identiti negara yang perlu dipelihara dan dikekalkan.

5. Oleh yang demikian, Kerajaan telah memutuskan supaya pakaian batik dipakai oleh pegawai awam **pada hari pertama dan hari ke-15 setiap bulan**. Sekiranya tarikh-tarikh tersebut jatuh pada hari cuti umum atau pada hari cuti hujung minggu, pemakaiannya tidak perlu diganti pada tarikh yang lain.

6. Sekiranya hari pertama dan hari ke-15 jatuh pada hari Jumaat, pegawai awam lelaki Islam diberi pilihan sama ada memakai pakaian batik atau memakai pakaian kebangsaan baju Melayu lengkap bersamping dan bersongkok warna gelap iaitu hitam atau biru tua (seperti yang digalakkan melalui Surat Edaran JPA(S)TT.193/37/Jld.4(77) bertarikh 15 Mac 2005). Pegawai yang bukan beragama Islam dan pegawai wanita dikekalkan wajib memakai baju batik.


7. Arahan pemakaian batik pada hari pertama dan hari ke-15 setiap bulan ini tidak terpakai kepada pegawai yang dibekalkan dengan pakaian seragam dan dikehendaki memakainya atau pegawai yang menghadiri majlis rasmi yang menetapkan pemakaian jenis pakaian yang lain.

8. Perlu ditegaskan juga, pakaian batik yang dimaksudkan ialah batik buatan Malaysia. Bagi pegawai lelaki, mereka hendaklah memakai baju batik berleungan panjang dan berkolar, manakala bagi wanita pula mereka boleh memakai pakaian batik yang bersesuaian.

9. Keputusan ini berkuatkuasa mulai tarikh 15 Julai 2005. Ketua Setiausaha, Ketua Jabatan Persekutuan dan SUK Negeri bertanggungjawab untuk memanjangkan keputusan ini seterusnya kepada agensi-agensi di bawah seliaan mereka.

Sekian, terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA



(DATO' ISMAIL BIN ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA.

s.k.

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan